

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *UFUR Capsule*
2. Bagaimana *UFUR Capsule* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *UFUR Capsule*
4. Cara menggunakan *UFUR Capsule*
5. Semasa menggunakan *UFUR Capsule*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *UFUR Capsule*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan *UFUR Capsule*

UFUR capsule digunakan dalam remisi gejala kanser berikut: kepala dan leher, perut, usus, hati, pundi hempedu atau saluran hempedu, pankreas, paru-paru, payu dara, pundi kencing, prostatik, dan bahagian bawah rahim.

Ia digunakan dengan ubat lain yang mengandungi folinate untuk kanser usus.

Bagaimana *UFUR Capsule* berfungsi

UFUR capsule mengandungi dua jenis ubat. Salah satu adalah tegafur dan satu lagi adalah uracil. Tegafur adalah ubat untuk merawat kanser dengan menyekat pertumbuhan dan pembahagian sel kanser (sitostatik). Uracil membantu tegafur berfungsi dengan lebih baik. Ia memperlahankan kadar perkumuhan tegafur dari tubuh.

Sebelum menggunakan *UFUR Capsule*

- Bila tidak boleh menggunakan

- 1) Anda alah kepada bahan-bahan kandungan produk ini.
- 2) Anda sedang mengambil ubat antivirus sorivudine. Penggunaan *UFUR Capsule* dengan ubat antivirus sorivudine boleh menyebabkan kesan sampingan maut.
- 3) Anda hamil, cuba untuk hamil atau fikir anda mungkin mengandung.
- 4) Anda sedang menyusukan bayi.

- Sebelum menggunakan *UFUR Capsule*

Sila pastikan anda memahami penerangan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini. Beritahu doktor / ahli farmasi anda jika anda mempunyai salah satu keadaan berikut:

- 1) Masalah hati.
- 2) Kerosakan sum-sum tulang daripada radioterapi sebelum ini atau rawatan dengan ubat anti-kanser lain.
- 3) Pengurangan fungsi sumsum tulang
- 4) Masalah hati
- 5) Masalah buah pinggang
- 6) Penyakit berjangkit
- 7) Jangkitan dan kecenderungan berdarah, simptom usus / gastrik seperti sakit perut, cirit-birit
- 8) Dehidrasi
- 9) Tak toleransi gula
- 10) Penyakit jantung atau sejarah penyakit jantung
- 11) Sedang atau sebelum ini dirawat dengan kemoterapi atau radioterapi yang lain

- Warga Tua dan kanak-kanak

Bagi warga tua atau kanak-kanak, beritahu doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan. Ini adalah sangat penting jika anda mengambil salah satu ubat yang berikut:

- 1) Produk gabungan tegafur, gimeracil dan oteracil yang digunakan untuk merawat kanser perut
- 2) Ubat-ubat yang digunakan untuk mencairkan darah (coumarin anticoagulants seperti warfarin)
- 3) Ubat antivirus Sorivudine.
- 4) Phenytoin, yang digunakan untuk merawat epilepsi
- 5) Ejen antikanser lain atau terapi radiasi.

Cara menggunakan *UFUR Capsule*

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor dan ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dengan maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Dos am:

UFUR capsule diambil sebanyak 3-6 kapsul (bersamaan dengan 300-600mg tegafur) setiap hari dalam dua hingga tiga dos berasingan. Pastikan anda mengikuti arahan dos.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Jika anda sedang menjalankan terapi kombinasi *Folinate* dan *UFUR Capsule*, makanan akan menjejaskan keberkesannya. Jangan mengambil *folinate* dan *UFUR Capsule* dalam masa satu jam sebelum atau selepas makan.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan *UFUR Capsule* untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika anda berasa anda atau sesiapa sahaja mungkin telah terambil dos berlebihan. Ini perlu

dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Adalah dicadangkan untuk membawa pek ubat dan risalah ini dengan anda. Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan tanda-tanda dan simptom yang serupa dengan kesan sampingan.	Kesan-kesan sampingan 1) Demam 2) Demam kuning dan masalah hati 3) Dehidrasi 4) Masalah buah pinggang 5) Anoreksia (gangguan pemakanan), loya, muntah, cirit-birit 6) Radang di saluran usus 7) Pengurangan fungsi sum-sum tulang 8) Rasa tidak sihat dan pening 9) Mengantuk, gangguan kesedaran 10) Inkontinens urinari 11) Pewarnaan kulit oleh pigmen, pertumbuhan keratin pada kulit 12) Hipersensitiviti: Ruam, kegatalan dan gegata boleh berlaku. Hentikan pengambilan jika keabnormalan berlaku. 13) Perubahan dalam "bahagian putih" dalam otak (<i>leukoencephalopathy</i>) 14) Kehilangan deria bau (<i>anosmia</i>) 15) Parut di paru-paru (<i>interstitial pneumonia</i>) 16) Bekalan darah yang berkurang ke jantung tanpa mengalami kesakitan (<i>Silent angina or silent ischemia</i>)	Maklumat lanjut - <u>Rupa dan warna produk</u> <i>UFUR Capsule</i> adalah kapsul berwarna putih ke putih kekuningan, dicetak dengan perkataan merah <i>UFUR</i> pada kedua-dua penutup dan badan, diisi dengan serbuk granul atau serbuk halus berwarna putih ke kuning pucat. <u>Bahan-bahan kandungan</u> - Bahan aktif: Tegafur dan uracil - Bahan tidak aktif: Lactose Hydrous; Povidone K-30; Stearic Acid; Magnesium Stearate - <u>Nombor MAL</u> MAL09102913AZ
Semasa menggunakan <i>UFUR Capsule</i> - <u>Perkara yang perlu dilakukan</u> Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan <i>UFUR Capsule</i>. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini. - <u>Perkara yang tidak boleh dilakukan</u> Jangan menyusukan bayi apabila mengambil <i>UFUR Capsule</i> Jangan berhenti mengambil ubat kecuali dinasihatkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda. Jangan memberi <i>UFUR Capsule</i> kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.	Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web npra.moh.gov.my [Public→Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].	Pengilang TTY Biopharm Company Limited 838, Chung Hwa Rd., Sec. 1, Chungli Dist., Taoyuan City, 32069, Taiwan Pemegang Pendaftaran Produk Pharm-D Sdn. Bhd. (535448-K) 8B, Jalan 1/137C, Bedford Business Park, Off Jalan Kelang Lama, 58000 Kuala Lumpur, Malaysia. Tarikh kemaskini RiMUP 23/07/2019 Nombor siri BPFK(R4/1)020317/00008
- <u>Perkara yang perlu diberi perhatian</u> <i>UFUR Capsule</i> mungkin melemahkan imuniti anda, anda harus mengelakkan daripada berhubung dengan orang yang mempunyai penyakit berjangkit. Jika anda mempunyai simptom jangkitan, seperti demam, seram sejuk, sakit tekak, sakit belakang atau sakit perut, atau sakit semasa kencing, sila pergi ke hospital.	Cara penyimpanan dan pelupusan <i>UFUR Capsule</i> - <u>Penyimpanan</u> Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan pada 30°C. - <u>Pelupusan</u> Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.	